



## Sunway buka sekolah kedua di Iskandar Malaysia

**JOHOR BAHRU 1 Dis.** - Syarikat hartanah, Sunway Bhd. (Sunway) mengumumkan pembangunan Sekolah Antarabangsa Sunway (SIS) di Iskandar Malaysia, Nusajaya di sini yang melibatkan kos sebanyak RM40 juta.

Pengarah Eksekutif Hartanah dan Pembangunan Sunway Wilayah Selatan dan Singapura, Tan Wee Bee berkata, projek pembinaan bagi sekolah tersebut akan bermula pada suku pertama tahun hadapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2017.

"Ini merupakan sekolah antarabangsa kedua dibina selepas SIS di

Bandar Sunway, Kuala Lumpur yang dibuka pada 2008 dan ia dijangka mampu menampung sehingga 600 pelajar.

"Pembinaan sekolah antarabangsa ini merupakan usaha Sunway menyumbang kepada penduduk di Iskandar Malaysia dengan memberikan pendidikan bertaraf dunia bagi membentuk gaya hidup holistik masyarakat," katanya pada sidang akhbar, di sini, semalam.

Wee Bee berkata, pembinaan sekolah tersebut merupakan sebahagian daripada rancangan pembangunan Sunway Iskandar yang melibatkan tapak keseluruhan se-

luas 283.28 hektar termasuk 2.83 hektar bagi pembinaan SIS.

Katanya, Sunway merancang untuk memperluas kawasan sekolah berkenaan pada masa akan datang bergantung kepada keperluan dan permintaan bagi menyediakan persekitaran pembelajaran terbaik.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan Pendidikan Sunway, Dr. Elizabeth Lee berkata, SIS menawarkan kemudahan pendidikan bertaraf dunia yang bermula dari peringkat prasekolah hingga peringkat diploma.